

# Kontinjen Polis Sabah dan Labuan cemerlang jaga keselamatan, keamanan

**LABUAN:** Kesemua kontinjen polis daerah di Sabah dan Labuan menunjukkan prestasi cemerlang dalam tugas menjaga keselamatan dan keamanan.

Pesuruhnya Polis Sabah Datuk Abdul Rashid Harun berkata kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam kalangan anggota polis membolehkan perancangan dalam aspek perijagaan keselamatan berjalan lancar.

"Sepanjang perkhidmatan saya sebagai pesuruhnya polis Sabah selama setahun, banyak usaha, latihan dan persediaan dilaksanakan bagi memantapkan tugas kepolisian dan menghadapi sebarang jenis ancaman serta jenayah rentas sempadan.

"Saya berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh semua ketua polis daerah serta ketua polis Labuan dan semua anggota yang memdahcara semua perancangan penjagaan keselamatan," katanya pada sidang akhbar sempena lawatan kerjanya ke Balai Polis Labuan kelmarin. Sementara itu, Abdul Rashid berkata peningkatan atau penurunan indeks jenayah bukanlah menggambarkan prestasi sebenar polis, tetapi kepuasan hati masyarakat mengenai keadaan keselamatan di persekitaran mereka.

"Saya tidak menerima aduan masyarakat berkenaan ketidakpuasan hati masyarakat terhadap perkhidmatan polis tetapi lebih kepada memberi pandangan untuk membantu memperbaiki sistem perkhidmatan kepolisian," katanya.



**KAWALAN HORMAT ...** Rashid memeriksa kawalan hormat pegawai dan Anggota PDRM Ipd Beaufort.